

Tubuh pusat bahasa dan kebudayaan bagi penuntut kuasai Mandarin

UMP, Hebei bekerjasama

Oleh SITI NORIZAT SHIKH ABDUL JALIL
utusanpahang@utusan.com.my

KUANTAN 18 Jan. – Bagi meningkatkan penguasaan bahasa Mandarin di kalangan penuntut, Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil langkah mewujudkan Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan (MLCC).

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, penubuhan MLCC berupaya memperkasa agenda pengantarabangsaan kementerian tersebut dan universiti terutamanya dalam menjalinkan hubungan kerjasama dengan Universiti Hebei di China.

Menurut beliau, penguasaan bahasa Mandarin di kalangan pelajar penting bagi memenuhi peluang pasaran pekerjaan di peringkat nasional dan antarabangsa.

"MLCC bersedia membantu pelajar berkomunikasi dalam bahasa tersebut dan berupaya menempatkan pelajar untuk mengikuti latihan industri di China kelak," katanya ketika berucap pada majlis perasmian tersebut di UMP di sini hari ini.

Pada majlis itu, Saifuddin turut menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dan Universiti Hebei di China.

Pihak UMP diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz manakala Universiti Hebei diwakili presidennya, Prof. Wang Hong Rui.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, kerjasama dengan pihak universiti di China itu memberi manfaat dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak industri masa kini.

"Penubuhan MLCC juga merupakan inovasi UMP dalam merangsang pertumbuhan ekonomi di Wilayah Pantai Timur melalui jaringan kerjasama dengan universiti di Re-



SAIFUDDIN Abdullah memalu gendang simbolik sebagai perasmian Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan sambil diperhatikan oleh Dr. Daing Nasir Ibrahim (kanan) dan Prof. Wang Hong Rui di Kuantan, semalam. - BERNAMA

publik China itu.

"Hubungan itu juga mampu mencapai kejayaan polisi globalisasi UMP yang berhasrat mencipta persekitaran antarabangsa di dalam

kampus dengan pengambilan pelajar dari luar negara seperti China, Kemboja, Pakistan dan Yemen," jelasnya.

Tambahnya, penubuhan pusat itu merupa-

kan yang kedua di Malaysia selepas Universiti Malaya (UM) hasil kerjasama universiti tersebut dengan Universiti Pengajian Antarabangsa Beijing, China.

UM (Hello Kampus) 18/1/11 ms26